



PENCAPAIAN

Indeks Perpaduan Nasional

2022





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Putrajaya, 2022

Hak cipta / *Copyright* Kementerian Perpaduan Negara (KPN), 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Ministry of National Unity (Malaysia).

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA

Pasukan Kajian

PENAUNG

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

PENASIHAT

YBrs. Dr Kang Tong Hum
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional

SEKRETARIAT KAJIAN

BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT, KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA


Dr Ang Li Ling
Encik Mohd Rizal Bin Nawabjam

BAHAGIAN PENYELARASAN KAJIAN DAN MAKLUMAT, INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL

Tuan Haji Abdul Hadi bin Mohd Salleh
Puan Marlina binti Termudi
Puan Syadatul Amira binti Aminudin

PASUKAN PENYELIDIK

Profesor Dr. Kartini binti Aboo Talib@Khalid
Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi bin Ishak
Profesor Dr. Mansor bin Mohd Noor
Profesor Madya Dr. Norsiah binti Abdul Hamid
Profesor Madya Dr. Mohd Mahadee bin Ismail
Profesor Madya Dr. Chin Yee Mun
Profesor Madya Dr. Hairol Anuar bin Hj Mak Din
Dr. Azlina binti Abdullah
Dr. Nur Atiqah Tang binti Abdullah
Dr. Nor Azlili binti Hassan
Dr. Noraihan binti Mohamad
Dr. Ummi Munirah Syuhada binti Mohamad Zan
Encik Ahmad Zul Hakimi bin Hassim
Puan Bahirah Syazana binti Mohamad Zan
Encik Yuriny bin Adnan
Puan Intan Suraya binti Razak



Apakah Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)?

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) adalah projek kerajaan Malaysia bertujuan **mengukur pencapaian tahap perpaduan** semasa dalam kalangan rakyat Malaysia.

IPNas adalah sebuah indeks nasional yang menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program oleh kerajaan untuk memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.

Kajian awal pembangunan IPNas dimulakan dalam bulan Oktober 2017 dan disiapkan sepenuhnya pada bulan April 2019. Projek ini dikenali sebagai 'IPNas 2018' dijalankan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan dikawal selia oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

IPNas 2022 dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di mana urusetia kajian adalah Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) bermula dari April 2021 hingga Oktober 2022.



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**



**INDEKS PERPADUAN
NASIONAL**



**UKM
PAKARUNDING**



Bagaimana Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dibentuk?

Pengukuran IPNas berbeza daripada pengukuran indeks-indeks lain. IPNas tidak menggunakan kaedah model pengukuran (*measurement model*) iaitu memilih indikator yang akan menjadi domain penentu kepada indeks. IPNas menggunakan kaedah model struktur (*structural model*) iaitu mengenal pasti dan menguji secara bersama-sama dalam satu acuan model meliputi semua faktor penyumbang yang mempengaruhi pencapaian tahap kesepaduan sosial.

Nilai pencapaian tahap perpaduan diukur berdasarkan nilai terkumpul dalam konstruk Kesepaduan Sosial. Nilai terkumpul dalam konstruk Kesepaduan Sosial terbentuk hasil gabungan pengaruh keseluruhan empat faktor penting iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa dan Tadbir Urus dan Pembangunan. Keempat-empat faktor ini telah dikenal pasti, diuji dan didapati konsisten merubah pencapaian kepada Kesepaduan Sosial sejak IPNas 2018.



Konsep, Konstruk dan Komponen IPNas 2022

IPNas 2022 melibatkan enam konstruk iaitu Kesepaduan Sosial, Etos Bangsa, Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan, dan Defisit Sosial.



Kesepaduan Sosial

Kesepaduan Sosial adalah merujuk kepada keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat berbilang etnik.

Penerokaan awal konsep Kesepaduan Sosial di Malaysia adalah berpaksikan kepada enam komponen konsep Kesepaduan Sosial yang dikemukakan oleh Jenson (1998) dan Bernard (1999). Sungguhpun menggunakan enam komponen yang sama, asas konsep telah disesuaikan dalam konteks Malaysia seperti berikut:

Rasa Kekitaan (*Belonging*) (4 item) untuk mengukur nilai bersama, identifikasi bercirikan Malaysia, dan nilai kemanusiaan.

Keterangkuman (*Inclusion*) (4 item) untuk mengukur hak diliputi dalam mendapat pengagihan kekayaan seperti bantuan, pemilikan rumah, pekerjaan dan pendidikan.

Penyertaan (*Participation*) (4 item) untuk mengukur penglibatan dalam persatuan/badan kebajikan, NGO, mengundi calon/parti dalam pilihanraya dan berbincang perihal politik.

Pengiktirafan (*Recognition*) (4 item) untuk mengukur konsep menerima perbezaan pendapat, memberi penghargaan kepada rakyat berjasa dan mengiktiraf kepelbagaian agama.

Legitimasi (*Legitimacy*) (4 item) untuk mengukur ketidakadilan dalam layanan, usaha memburukkan pemerintah, perbezaan undang-undang berkaitan agama dan janji politik.

Kesamaan (*Equality*) (4 item) untuk mengukur konsep mendapat peluang dan ruang yang sama dari segi keselamatan, ekonomi, pendidikan dan pekerjaan.



Etos Bangsa

Istilah Etos Bangsa merujuk kepada konsep untuk menerangkan mengenai Etos Nasional Bangsa Malaysia.

Konsep ini berkaitan dengan keterikatan emosi kolektif nasional dengan sejarah sosial yang dikongsi bersama, menerima pasak dan tapak integrasi dalam perlembagaan, dan mendokong Tadbir Urus dan Pembangunan yang menjamin kesepaduan.

Dalam kajian ini, Etos Nasional Bangsa Malaysia dibentuk dan diukur berdasarkan tujuh komponen iaitu Perkongsian Sejarah (2 item), Perkongsian Nilai (2 item), Kekitaan Bersama (2 item), Keterikatan Emosi Negara (2 item), Perkongsian Masa Depan (4 item), Kesetiaan (2 item) dan Komitmen (2 item).



Tahap Keetnikan

Hampir keseluruhan masyarakat Malaysia memperlihatkan kecenderungan besar kepada keterikatan dengan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing.

Dalam kajian ini, Tahap Keetnikan diukur berdasarkan tiga komponen iaitu Keetnikan (7 item), Kemodenan (5 item) dan Kestabilan (10 item).



Hubungan Sosial Rentas Etnik

Hubungan Sosial Rentas Etnik merujuk kepada jalinan hubungan sosial yang berlaku merentas ruang antara etnik. Konstruk ini diukur berdasarkan tiga peringkat dalam masyarakat iaitu Individu, Keluarga dan Komuniti.

Dalam kajian ini, komponen Individu mengandungi 8 item, komponen keluarga (8 item) dan komponen komuniti (8 item).



Tadbir Urus dan Pembangunan

Tadbir Urus dan Pembangunan negara merujuk kepada pelaksanaan proses mentadbir urus dan membangunkan negara oleh pihak berautoriti dari kacamata rakyat. Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada soal bagaimana kerajaan sedia ada berkeupayaan mengurus berkaitan hal ekonomi, politik, jenayah dan rasuah, perkhidmatan awam, kemudahan awam dan pengurusan masyarakat.



Defisit Sosial

Defisit Sosial merujuk kepada isu dan cabaran yang sering berlegar dalam masyarakat tetapi dikaitkan sebagai masalah perpaduan dalam konteks yang kurang tepat. Melalui beberapa sesi konsultasi yang menyeluruh, pelbagai isu dan cabaran yang telah dibangkitkan oleh rakyat Malaysia dapat dikategorikan kepada 10 kategori iaitu etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar desa dan media.

Dalam kajian ini, setiap kategori defisit sosial telah dikonstruksikan seperti berikut: etnisiti (4 item), agama (4 item), kelas sosial (5 item), pendidikan (5 item), bahasa (5 item), jurang generasi (6 item), gender (6 item), politik federalisme (10 item), ruang bandar desa (6 item) dan media (5 item).

Konstruk dan Komponen IPNas 2022



Hubungan Sosial Rentas Etnik

Individu, Keluarga Komuniti.



Tahap Keetnikan

Keetnikan, Kemodenan, Kestabilan.



Etos Bangsa

Perkongsian Sejarah, Perkongsian Nilai, Kekitaan Bersama, Perkongsian Masa Depan, Kesetiaan, Komitmen, Keterikatan Emosi Negara.

Kesepaduan Sosial

Kekitaan, Keterangkuman, Penyertaan, Pengiktirafan, Legitimasi, Kesamarataan.



Tadbir Urus dan Pembangunan

Ekonomi, Politik, Jenayah, Perkhidmatan Awam, Kemudahan Awam, Pengurusan Masyarakat.



Defisit Sosial

Etnik, Agama, Kelas Sosial, Pendidikan, Bahasa, Jurang Generasi, Gender, Politik Federalisme, Ruang Bandar-Desa, dan Media.



Punca Kuasa Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)

- IPNas telah ditetapkan sebagai salah satu indikator penting terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program kerajaan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12).
- IPNas adalah salah satu indikator sosial yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bagi memastikan pembangunan yang holistik dan menepati kehendak pelbagai budaya selaras dengan identiti nasional.

Kepentingan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)

- Menjadi penanda aras dalam mengukur pencapaian tahap perpaduan negara.
- Mewujudkan konstruk yang komprehensif dalam mengukur tahap kesepaduan sosial dan perpaduan di Malaysia.
- Mengukur tahap perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi melihat tren perubahan bersesuaian dengan isu semasa dan perubahan masyarakat.
- Memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan tahap perpaduan dan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.
- Menyediakan input bagi perancangan dan pelaksanaan program perpaduan/ integrasi nasional di Malaysia berdasarkan data empirikal.
- Membolehkan Malaysia dipetakan setaraf dengan negara-negara maju yang mempunyai indeks bagi mengukur tahap kesepaduan nasional dalam kalangan masyarakat berasaskan prestasi dan pencapaian kesepaduan sosial.

Asas Pembangunan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)


Asas Pertama: Sociological Imagination (C. Wright Mills, 1959)

Ahli sosiologi Amerika, C. Wright Mills (1959) telah mengemukakan idea mengkaji masyarakat menggunakan *sociological imagination* yang mengandungi tiga konsep saling terikat di antara satu sama lain iaitu Sejarah, Struktur Sosial dan Biografi.

Perubahan tingkah laku manusia bergerak dalam suatu struktur sosial

berdasarkan susur masa yang melahirkan sejarah di mana pada akhirnya struktur sosial dan sejarah akan membentuk biografi manusia.

Pengaplikasian *sociological imagination* dalam IPNas membolehkan tahap perpaduan (iaitu biografi) diukur sebagai hasil akhir daripada kesepaduan sejarah dan struktur sosial yang terbina dalam diri setiap rakyat Malaysia. Inilah puncak kepada pencapaian perpaduan di negara ini.



Asas Kedua: Perpaduan Kefahaman Terkini

IPNas adalah usaha menterjemahkan konsep '**Kesepaduan yang dicapai**'. Konsep ini adalah salah satu konsep dalam Perpaduan Kefahaman Terkini yang terdiri daripada rangkai konsep 'Perpaduan yang diidamkan, Kesepaduan yang dicapai, Penyatupaduan yang diusahakan'.

Perpaduan Kefahaman Terkini adalah inisiatif baharu untuk mengukuhkan perpaduan rakyat negara ini hasil penelitian terperinci Majlis Konsultatif Perpaduan Negara (*National Unity Consultative Council*) dalam tahun 2013.

PERPADUAN KEFAHAMAN TERKINI



Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan keratan rentas.

Pensampelan

Kaedah pensampelan bagi kajian ini adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). RPIK ini dijana untuk penggunaan Banci 2020.

Kajian ini dijalankan di seluruh negeri melibatkan tiga belas (13) negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan. Jumlah keseluruhan responden yang berjaya diperoleh adalah sebanyak 28,613 orang.

Instrumen

Instrumen IPNas 2022 mengandungi 162 item yang meliputi 6 konstruk dan 35 komponen. Penambahbaikan instrumen IPNas 2022 telah melalui penandaarasan serta sorotan literatur terhadap penyelidikan dari dalam dan luar negara selain perbincangan bersama pakar dalam bidang-bidang berkaitan. Semua konstruk mencapai kesahan konvergen berdasarkan nilai purata varian terekstrak (AVE) lebih besar daripada 0.5 bagi kesemua komponen konstruk. Kebolehpercayaan semua konstruk dicapai berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* dan kebolehpercayaan komposit lebih daripada 0.7.


Kaedah Pengumpulan Data

Borang soal selidik dalam talian disediakan berbantuan penjana soal selidik SurveyMonkey dan ditadbir melalui enumerator dilantik yang hadir ke tempat tinggal responden (bergantung kepada SOP terkini berkaitan Pandemik Covid-19) berdasarkan alamat Tempat Kediaman (TK) dalam Blok Penghitungan (BP) yang dijana oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi setiap negeri dan Wilayah Persekutuan dalam Malaysia.



Maklumat Demografi

Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Negeri



Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Jantina





20020
70.0%



8593
30.0%


Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Kategori Umur






*Etnik Siam, Sikh, Rumus, Bugis, Etnik Minoriti Sabah dan Sarawak


Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Agama




Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan



Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Kategori Isi Rumah



Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendapatan



Apakah Tahap Perpaduan Rakyat Malaysia Sekarang?



Tahap perpaduan rakyat Malaysia diukur berdasarkan nilai kumulatif dalam konstruk kesepaduan sosial yang disumbang oleh empat faktor penting iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa dan Tadbir Urus dan Pembangunan.

Kajian pembangunan awal Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dalam tahun 2018 menunjukkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah pada tahap 0.567 (berdasarkan skala pengukuran di antara 0 hingga 1). Pencapaian ini adalah pada tahap sederhana.


Pencapaian tahun 2022 merekodkan nilai indeks masih dalam tahap sederhana, namun telah meningkat sebanyak 0.062 kepada 0.629 dalam tahun 2022.

Pencapaian ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah baik dan terkawal walaupun mereka telah mengharungi kehidupan yang sukar akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak tahun 2020.

Pencapaian tahap perpaduan ini adalah hasil sumbangan signifikan faktor-faktor berikut iaitu Tadbir Urus dan Pembangunan, Etos Bangsa dan Hubungan Sosial Rentas Etnik. Sumbangan Tahap Keetnikan adalah kecil dan tidak signifikan.




Skala Tahap Perpaduan



Kesepaduan Sosial Rakyat Malaysia

- Rakyat Malaysia mempunyai Rasa Kekitaan yang tinggi sehingga 90%.
- Rakyat Malaysia memperlihatkan penyertaan yang tinggi dalam NGO atau badan komuniti dan politik (88.7%).
- Rakyat Malaysia bersetuju bahawa peluang kesamaan telah meningkat dalam pelbagai aspek (83.6%).
- Rakyat Malaysia bersetuju mereka diberi pengiktirafan oleh pihak kerajaan (81.6%).
- Rakyat Malaysia bersetuju tindakan legitimasi diambil serius oleh pihak kerajaan (79.7%).
- Rakyat Malaysia telah mendapat peluang keterangkuman (79.6%).


Peratusan Persetujuan Berdasarkan Komponen Kesepaduan Sosial



Komponen Kesepaduan Sosial	2018	2022
Rasa Kekitaan	90.1%	90.0%
Keterangkuman	76.0%	79.6%
Penyertaan	87.0%	88.7%
Pengiktirafan	80.4%	81.6%
Legitimasi	77.3%	79.7%
Kesamaan	82.0%	83.6%


Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Jantina

Tahap perpaduan responden lelaki adalah lebih tinggi berbanding responden perempuan. Hal ini berkemungkinan disebabkan sifat semulajadi responden lelaki yang mempunyai pendedahan dan pergaulan terbuka dalam masyarakat berbanding responden perempuan yang terikat dengan amalan tradisi.




Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Jenis Isi Rumah

Tahap perpaduan diteliti dalam konteks keluarga berdasarkan tiga jenis isi rumah iaitu Ketua Isi Rumah, Pasangan dan Anak. Tahap perpaduan anak adalah lebih tinggi berbanding bapa dan ibu mereka (iaitu Ketua Isi Rumah dan pasangan). Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh proses pendidikan berterusan yang diterima oleh anak secara formal dan tidak formal. Begitu juga dengan Ketua Isi Rumah yang mempunyai pergaulan luas di luar rumah.




Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Kategori Umur

Responden berumur 15-20 tahun mempunyai tahap perpaduan paling tinggi berbanding tahap umur lain. Pencapaian ini adalah disebabkan kedudukan mereka sebagai pelajar sama ada di sekolah menengah atau di institusi pengajian tinggi. Tahap perpaduan kumpulan umur 51 hingga 64 semakin menurun berkemungkinan disebabkan oleh pergaulan semakin terhad. Keadaan ini berlaku berkait dengan tahap motivasi bekerja semakin menurun kerana menghampiri usia persaraan atau baru bersara dari perkhidmatan.




Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Etnik



Etnik Cina dan lain-lain di Semenanjung Malaysia menunjukkan tahap perpaduan lebih tinggi daripada etnik lain. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh hubungan erat dalam kalangan etnik Cina dan etnik minoriti. Di Sabah, etnik Murut mempunyai tahap perpaduan tertinggi disebabkan bahasa dan tradisi hidup bersama yang kuat di rumah panjang. Di Sarawak, etnik Bidayuh, Iban dan Melanau menunjukkan tahap perpaduan tertinggi disebabkan mereka adalah etnik majoriti yang menjadi penentu kepada kehidupan seharian masyarakat sekitarnya.


Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Agama

Responden lain-lain menunjukkan tahap perpaduan tertinggi berbanding etnik majoriti lain. Hal ini disebabkan oleh penganut agama minoriti mempunyai tahap keterikatan yang kuat antara mereka kerana berada dalam kumpulan yang kecil.




Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Pendapatan Isi Rumah

Responden tanpa pendapatan terdiri daripada golongan suri rumah dan pelajar yang masih menjadi tanggungan. Kumpulan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi menunjukkan tahap perpaduan semakin menurun berkemungkinan disebabkan oleh tekanan hidup akibat peningkatan kos sara hidup.




Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Tahap Pendidikan

Responden berpendidikan rendah menunjukkan tahap perpaduan lebih tinggi berbanding responden berpendidikan tinggi. Semakin tinggi tahap pendidikan, bermakna semakin luas keupayaan responden berfikir dan menilai proses kehidupan sekeliling mereka yang akhirnya menggugat tahap perpaduan dalam kalangan mereka.




Pencapaian Tahap Perpaduan Individu, Keluarga dan Komuniti

Tahap perpaduan peringkat keluarga adalah lebih tinggi berbanding peringkat individu dan komuniti. Ini bermakna keluarga memainkan peranan penting sebagai agen memupuk dan meneguhkan perpaduan dalam kalangan ahli keluarga. Ketua keluarga adalah individu yang paling tinggi mencapai tahap perpaduan berbanding pasangan dan anak mereka. Kesemua ini adalah disebabkan pendedahan dan pergaulan luas dalam masyarakat.




Perbandingan Jurang Inter-Generasi dan Intra-Generasi Dalam Hubungan Sosial Rentas Etnik Bagi Kategori Keluarga

Perbandingan intragenerasi di antara pasangan suami dan isteri didapati berbeza tahap perpaduan. Suami didapati lebih tinggi tahap perpaduan berbanding isteri. Hal ini adalah berkait rapat dengan pendedahan antara individu tersebut di luar rumah.



Pada peringkat komuniti, ibu dan anak didapati berbeza tahap perpaduan bagi konsep intergenerasi. Ibu lebih tinggi tahap perpaduan berbanding anak kerana pergaulan luas dalam komuniti berbanding anak.




Kedua-dua perbezaan yang dinyatakan di atas adalah signifikan walaupun nilai perbezaan adalah kecil.

Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Kategori Defisit Sosial

Defisit Sosial adalah perkara-perkara yang perlu diuruskan supaya tidak menggugat pencapaian tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dalam IPNas 2022, hanya empat daripada sepuluh kategori Defisit Sosial iaitu Pendidikan, Agama, Jurang Generasi dan Bahasa didapati menggugat pencapaian tahap perpaduan rakyat secara tidak langsung melalui empat faktor kajian ini iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa dan Tadbir Urus dan Pembangunan.

Kesimpulannya, kerajaan telah berjaya menguruskan pelbagai defisit sosial dalam negara ini sehingga dapat menggerakkan pencapaian tahap perpaduan ke tahap yang lebih baik.



RUMUSAN

Kesimpulan Keseluruhan

IPNas 2022 meneruskan langkah memahami perpaduan khususnya membezakan kefahaman awal dengan kefahaman terkini yang dibina berasaskan Konsep Tiga Serangkai Shamsul (KTSS) dan pendekatan *Sociological Imagination*. Pengisian dan penilaian kesepaduan sosial dizahirkan dengan kajian empirikal yang diperoleh dari naratif akar umbi.

IPNas 2022 membolehkan usaha merealisasikan DPN, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 berjalan sederap dan mantap. Keamampuan usaha pembinaan negara dan bangsa dipandu dan dilaksana hasil daripada maklumat yang terhimpun dalam IPNas 2022. Usaha ini amat bermanfaat untuk merangka dengan lebih jelas dan meluas supaya kesepaduan nasional yang dibina terus kukuh dan teguh.

Sumbangan IPNas 2022 telah memperincikan kerangka pergerakan, ikhtiar dan strategi yang lebih mesra komuniti serta diterima dengan lebih baik oleh rakyat.

IPNas 2022 mempamerkan peri pentingnya keluarga sebagai pendokong kesepaduan negara sesuai dengan cita-cita Keluarga Malaysia.

Sebagai penanda aras, kajian IPNas menjadi pelengkap matlamat Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang merujuk hasil dapatan empirikalnya bagi mengatur strategi, aktiviti dan intervensi sesuai dengan keperluan semasa oleh agensi peneraju dan pelaksana.

Penutup

Tanggungjawab mencipta dan mengekalkan semangat muhibah menerusi pelbagai program yang telah dirancang oleh kerajaan. Ini menjadikan kajian indeks IPNas relevan dan kontemporari bagi menilai sejauh mana perancangan ke arah perpaduan berupaya meningkatkan tahap kesepaduan masyarakat Malaysia yang semakin kompleks dan rencam.



